

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N29 DATOK KERMAH
EXCO PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN,
PERANCANGAN BANDAR & DESA

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Permatang Pasir

Modifikasi Kenderaan Bermotor Khususnya Kenderaan Beroda Dua

Saya setuju dengan cadangan Permatang Pasir untuk mengharamkan penjualan barangan kenderaan bermotor yang tidak mengikut panduan untuk mengurangkan lumba haram. Tetapi, dengan satu-satu langkah ini sukar untuk mencegah kegiatan lumba haram.

Kegiatan pengubahsuaian adalah lebih sukar dikesan daripada kegiatan lumba haram kerana pengubahsuaian dibuat senyap-senyap kerana pemilik motorkar dan pemilik bengkel sedar bahawa pengubahsuaian adalah dilarang di sisi undang-undang. Jadi, sekatan jalan raya secara berkala dan rondaan polis tidak patut dikurangkan kerana langkah-langkah ini efektif untuk membendung kegiatan lumba haram.

Jika motosikal-motosikal modifikasi secara berlebihan ini ditemui di atas jalan raya dan diperiksa, maka pihak berkuasa berhak untuk menyita motosikal tersebut. Bukan itu saja, pemilik juga akan dikenakan denda minimum RM3,000 sebelum boleh mengambil semula motosikal mereka, dan dalam masa tujuh hari motosikal terbabit perlu diubah kembali kepada spesifikasi asal dan dibawa untuk pemeriksaan JPJ bagi mendapatkan kelulusan. Denda maksimum untuk ini boleh mencecah RM20,000.

Perlu juga difahami bahawa semua ini boleh dikuatkuasakan sekiranya motosikal terbabit ditahan di atas jalanraya. Sekiranya motosikal yang diubah suai untuk tujuan pameran/perlumbaan dan sebagainya, dan diangkut untuk ke lokasi dengan lori, maka itu tidak menjadi kesalahan. Hanya motosikal yang digunakan di atas jalan raya akan berdepan tindakan seperti dinyatakan ini. Dengan itu, ia adalah tidak sesuai untuk melarang penjualan barangan kenderaan bermotor secara keseluruhan.

Untuk membanteras kegiatan lumba haram, kerajaan telah mengambil tindakan bukan sahaja terhadap golongan mat rempit, tetapi tindakan juga diambil untuk mencegah pemilik bengkel mengubah suai motosikal secara haram.

Kebelakangan ini, terdapat operasi Ops Bengkel yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pulau Pinang telah memeriksa bengkel yang dipercayai mengubah suai motosikal secara haram di sekitar daerah Timur Laut dan Barat Daya. Pihak berkuasa telah mengeluarkan notis saman yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan mengubahsuai tanpa kebenaran. Pengusaha bengkel serta pemilik motosikal diarahkan untuk membetulkan semua motosikal yang telah diubahsuai kepada standard.

Saya cadangkan pemeriksaan mengejut boleh dijalankan lebih kerap terhadap bengkel terutamanya bengkel-bengkel yang pernah mempunyai rekod untuk mengubahsuai motorkar secara haram. Sekiranya pelanggaran undang-undang ini kerap dikesan, lesen bengkel kereta ditarik balik untuk mencegah pemilik bengkel untuk memberikan perkhidmatan ubahsuai haram.

Kerajaan juga terdapat rancangan untuk membina litar lumba motorsikal di perkarangan Stadium Batu Kawan khusus kepada peminat sukan motorsikal di negeri ini dan masih berusaha untuk mendapatkan response daripada syarikat yang berminat. Diharapkan, litar ini bakal menjadi lokasi untuk berlumba secara sah dan selamat.

Pembendungan lumba haram perlukan usaha banyak pihak, selain daripada langkah tersebut, kempen kesedaran untuk menyebarkan risiko berlumba haram terhadap belia dan peranan ibu bapa dalam memantau aktiviti anak-anak supaya tidak berlumba haram atau mengubahsuai motorsikal secara haram juga diperlukan.

Semua langkah-langkah ini perlu dijalankan secara berterusan untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam menyekang lumba haram.

Machang Bubuk

Penghijrahan Bakat Belia

Saya berpendapat bahawa penghijrahan bakat bukan sahaja masalah Pulau Pinang, tetapi masalah Malaysia secara keseluruhan. Banyak belia yang bekerja di luar negara seperti Singapore kerana mereka boleh memperolehi prospek pekerjaan dan gaji yang lebih baik

berbanding dengan negara kami, tambahan juga kadar pertukaran wang asing yang lebih baik. Ini merupakan suatu isu yang perlu ditangani oleh semua pihak termasuk kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri untuk mengurangkan kehilangan bakat dari dalam negara dan melancarkan dasar untuk menarik bakat-bakat untuk ke Malaysia.

Kerajaan Negeri juga mengambil berat tentang penghijrahan bakat belia di Pulau Pinang dan telah melaksanakan beberapa langkah untuk membendung kehilangan bakat dan menarik bakat ke Pulau Pinang.

Penang Career Assistance and Talent (CAT) Centre

Pada tahun 2011, Penang Career Assistance and Talent (CAT) Centre telah mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui slogan kerajaan negeri iaitu “Penang, Great Place to Work, Live, Learn, Play” dan “My Penang, My Workplace” bagi menampung keperluan pasaran tenaga kerja semasa yang tinggi di Pulau Pinang. Pusat CAT secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti bagi menarik dan mengekalkan bakat ke negeri Pulau Pinang.

Kerajaan juga membekalkan biasiswa iaitu Penang Future Foundation bagi persediaan saluran bakat ke negeri Pulau Pinang. Program pengajian yang ditaja adalah pada peringkat ijazah sarjana muda yang diikuti di Malaysia merangkumi program-program dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan perakuan. Jumlah biasiswa PFF yang telah dianugerahkan sejak tahun 2015 hingga 2019 adalah sebanyak 511; sementara 204 orang pemegang biasiswa telahpun menamatkan pengajian dan sedang atau akan menjalankan service bond mengikut jumlah biasiswa yang diperolehi.

Kerajaan Negeri juga melancarkan satu internship program yang khas melalui InvestPenang, iaitu Penang Internship Subsidy Programme (PISP) untuk menyokong syarikat tempatan untuk menarik bakat dari negeri lain ke Pulau Pinang. PISP memberikan subsidi sebanyak RM300 sebulan untuk setiap intern yang digaji oleh Enterprise Medium dan Kecil dan Syarikat Liabiliti Terhad yang berlokasi di Pulau Pinang. Di bawah program subsidi ini, syarikat-syarikat dikehendaki membayar elaun minimum sebanyak RM1,200 sebulan. Kerajaan Negeri akan membayar balik RM300 untuk setiap intern kepada syarikat selepas intern telah menyempurnakan program intership.

Memandangkan memiliki aset perumahan adalah satu unsur penting bagi menarik dan meningkatkan komitmen untuk bekerja di Pulau Pinang, Pusat CAT dengan kerjasama daripada Selection Process Enhancement Committee (SPEC) telah melancarkan Priority Affordable Housing Scheme khususnya untuk Talent & Skilled Group yang bekerja di Pulau Pinang. Graduan yang memenuhi syarat-syarat tertentu akan diberi keutamaan dengan mendapatkan surat sokongan yang dikeluarkan oleh Pusat CAT (Invest Penang) untuk memiliki perumahan mampu-milik di Pulau Pinang. Selepas proses pengesahan dokumen-dokumen, permohonan ini telah diluluskan dan dipanjangkan kepada SPEC untuk diberi keutamaan dalam permohonan rumah mampu milik.

Terdapat pelbagai skim perumahan mampu milik di Pulau Pinang juga untuk memenuhi keperluan perumahan bergantung pada bajet. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang berusaha untuk memastikan pembekalan rumah mampu milik yang mencukupi berdasarkan kepada pematuhan dasar perumahan negeri. Projek-projek rumah mampu beli dan sewa beli telah tersenarai di laman web Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang. Orang ramai akan mendapat informasi mengenai perumahan dengan mudah. Proses permohonan juga dapat diakses dengan mudah secara talian melalui e-perumahan. Syarat permohonan juga tidak terhad kepada anak Pulau Pinang, tetapi termasuk golongan yang berkerja dan bermastautin di Pulau Pinang.

Kerajaan negeri sangat komited dalam membantu rakyat dalam isu perumahan. Sehingga hari ini, sebanyak 142,647 unit atau 57 peratus daripada sasaran 250,000 unit rumah mampu milik untuk dibina di Pulau Pinang Berjaya dicapai.

Setakat pada tahun 2021, terdapat 7 peratus daripada rumah tidak terjual adalah terdiri daripada rumah mampu milik berharga bawah RM300,000. Keadaan ini disebabkan pembeli tidak mampu membuat pembelian berikutan keadaan ekonomi terjejas ekoran pandemic Covid-19.

Kerajaan Negeri telah menawarkan unit-unit sewaan di bawah program Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR). Kerajaan Negeri di bawah Agenda 2030 telah mensasarkan sebanyak 22,000 unit sewa beli disediakan menjelang 2030 untuk membantu mengatasi masalah pembiayaan di kalangan pembeli.

Pulau Pinang juga mempunyai banyak peluang pekerjaan kerana Pulau Pinang kini mempunyai lebih daripada 350 MNC termasuk 3 daripada 10 teratas syarikat semiconductors antarabangsa dan 6 daripada 30 teratas syarikat peralatan perubatan antarabangsa dan juga lebih daripada 4000 SME. Intel juga mengembangkan operasi mereka di Bayan Lepas. Ini menunjukkan Pulau Pinang telah banyak menarik pelaburan baru dan pelaburan semula.

Selepas COVID-19, sector pelancongan telah subur semula, terdapat banyak kekosongan kerja untuk industri pelancongan.

Gaji yang lebih tinggi setimpal dengan latar belakang kemahiran dan pendidikan merupakan satu langkah untuk mengelakkan bakat keluar Pulau Pinang. Akan tetapi gaji adalah ditetapkan oleh pasaran. Saya yakin bahawa gaji yang ditetapkan oleh pasaran ini akan sedikit demi sedikit akan meningkat dengan tambahan peluang pekerjaan dan saing antara syarikat swasta untuk bakat.

Batu Uban

Mengurangkan Aktiviti Merokok Di Kalangan Anak Muda

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa perihatin terhadap masalah merokok di kalangan belia negeri ini di mana Kerajaan menyediakan peruntukan bagi menjalankan aktiviti kempen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya merokok.

Kerajaan menjalankan program-program pendidikan kesihatan berhubung dengan bahaya merokok, melalui forum awam, seminar, pameran, ceramah dan sebagainya. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri meluluskan dana kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan Program Projek Tawan Minda Benci DARVIH yang bertujuan untuk mendedahkan kepada semua warga sekolah tentang bahaya Dadah, Arak, Rokok, Vape, Inhalan dan HIV (DARVIH) melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri Pulau Pinang (MTMD).

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri juga menyediakan kemudahan Klinik Berhenti Merokok kepada mereka yang memerlukan bantuan untuk berhenti merokok.

Penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 terutamanya bagi pelaksanaan peruntukan kawasan larangan merokok di tempat awam sentiasa dilakukan.

Dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bebas asap rokok, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bercadang mewartakan satu lokasi zon larangan merokok di setiap daerah. Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (Penbar) dicadangkan akan diwartakan di seluruh negeri itu sebagai kawasan larangan merokok dalam tempoh lima tahun akan datang dalam usaha menjadikan negeri itu bebas asap rokok sepenuhnya.

Ketagihan vape menular kerana penguatkuasaan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh bagi mengawal penggunaan dan penjualan vape. Kami berharap Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang dicadangkan di Parlimen dapat diluluskan di Parlimen supaya penjualan dan penggunaan sebarang bentuk bahan merokok termasuk rokok elektronik atau vape kepada individu yang lahir selepas 1 Januari 2007 dapat dilarang dan undang-undang tersebut dapat mengawal penjualan vape.

Saya cadangkan mengehendkan penjualan rokok dan vape. Sekarang rokok senang didapati kerana dijual di kedai runcit, gerai. Sesetengah kedai masih menjual sebatang rokok. Sekiranya penjualan rokok dan vape dihadkan, akan menyebabkan golongan belia kesusahan untuk mendapatkan rokok dan secara tidak langsung akan mengurangkan keperluan rokok dalam kehidupan harian. Rokok hanya boleh dijual kepada sesiapa yang lebih dari 18 tahun, tetapi tiada kekangan mengenai vape. Perlu ada satu usaha bahawa tiada penjualan vape kepada golongan di bawah 18 tahun terutamanya golongan sekolah.

Tindakan untuk membendung masalah merokok dan vape bagi masyarakat belia akan terus ditingkatkan dan amat memerlukan kerjasama dan sokongan dari lebih banyak agensi dalam organisasi Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Pusat. Semua pihak perlu memberi perhatian serius terhadap masalah yang semakin membimbangkan ini.

Tam Xin Shun

N29 Datok Keramat

Sidang Muda 2022/23